

## **Analisis Keperluan untuk Penentuan Bantuan Program Pembangunan Keluarga Miskin dan Miskin Tegar: Kajian Kes di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia**

Dara Aisyah Mohd. Ali Puteh\*<sup>1</sup> dan Ibrahim Mamat<sup>2</sup>

\*<sup>1</sup>Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

<sup>2</sup>Universiti Islam Zainal Abidin (UNISZA)

### **ABSTRAK**

Kemiskinan masih menjadi masalah utama dalam proses pembangunan. Bagi menangani masalah ini, berbagai-bagai rancangan pembangunan telah dijalankan namun pada keseluruhannya, rancangan berkenaan didapati kurang berjaya dan kurang berkesan (Malik *et al.*, 1996). Oleh itu, pihak kerajaan telah melancarkan pelbagai program untuk membangunkan pelbagai sektor bagi meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti yang bertujuan untuk memberi peningkatan pendapatan dalam menghapuskan kadar kemiskinan tegar. Kajian ini berusaha melihat masalah kemiskinan dalam kalangan keluarga miskin dan miskin tegar, kajian kes di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan keluarga miskin dan miskin tegar untuk penentuan bantuan program pembangunan keluarga. Seramai 68 orang dipilih untuk ditemu bual di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian ini diambil secara rawak di sekitar kawasan Teluk Ketapang. Data dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Packages for the Social Science" (SPSS) versi 18.00 dan diterangkan dalam bentuk peratusan, dan analisis *crosstab*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil dan maklumat ekonomi warga miskin dan miskin tegar Teluk Ketapang, menganalisis tahap kepuasan bagi situasi kehidupan dan menilai keperluan warga miskin Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Kajian ini menumpukan kepada aspek latar belakang responden dan keperluan yang diperlukan oleh keluarga tersebut. Antara keperluan yang terdapat dalam kajian ini adalah pendidikan, kemahiran, keagamaan, sosial, makanan dan pakaian, kesihatan, perumahan, peralatan rumah dan pengangkutan. Dapatan menunjukkan senarai faktor keperluan yang harus diberi perhatian yang serius ialah pendapatan, pendidikan, kerohanian/keagamaan, kegiatan sosial, pemakaian/pakaian/kesihatan, perumahan, pengangkutan/perhubungan, keperluan khusus untuk OKU dan keperluan-keperluan lain daripada kerajaan. Keluarga miskin dan miskin tegar harus bersedia dan sanggup berusaha memajukan diri sendiri agar kesejahteraan hidup mereka bertambah baik di samping pihak kerajaan memainkan peranan yang penting untuk memajukan penduduk yang berada dalam kemiskinan. Oleh itu, penambahbaikan program yang lebih terancang dan terkawal perlu dilaksanakan supaya masalah kemiskinan dapat diatasi.

**Kata kunci:** penilaian, keperluan, bantuan, program, keluarga miskin, miskin tegar, Teluk Ketapang, Kuala Terengganu.

## 1.0 PENGENALAN

Malaysia adalah negara yang sedang membangun dan disifatkan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan di Malaysia pada tahun 1970, 1980, 1990, 2002, 2004 dan 2007 ialah masing-masing sebanyak 49.3 peratus, 37.4 peratus, 16.5 peratus, 6.0 peratus, 5.7 peratus dan 3.6 peratus (Laily & Sharifah, 2010). Namun pada tahun 2009, kadar kemiskinan di Malaysia menunjukkan peningkatan kepada 3.8 peratus (Siti Hadijah & Roslan, 2011). Sehubungan dengan itu, usaha untuk membasmi kemiskinan terus dipergiatkan bagi mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.0 peratus pada tahun 2015 (RMK-10, 2011) demi mencapai hasrat menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kemiskinan merujuk kepada ketidaksejahteraan, ketertinggalan dan kemunduran sesuatu masyarakat. Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting tahap kemiskinan. Konsep kemiskinan yang sering digunakan di Malaysia adalah berasaskan komponen ekonomi dan dilihat dari dua aspek, iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan pendapatan kasar bulanan untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi rumah yang meliputi keperluan makanan, pakaian, tempat kediaman dan keperluan asas lain. Ukuran yang digunakan adalah berdasarkan taraf pendapatan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan relatif pula merujuk kepada ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan yang diukur berdasarkan nisbah perbezaan pendapatan antara kumpulan pendapatan, kumpulan etnik, isi rumah bandar dan luar bandar, dan peratus isi rumah dengan pendapatan (Chamhuri, 2003).

Masalah kemiskinan tegar masih banyak terdapat di luar bandar yang majoritinya masyarakat petani, penternak dan nelayan. Kemiskinan tegar bermakna pendapatan mereka hanya separuh daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Nilai PGK adalah RM 760 sebulan. Ini bermakna pendapatan golongan yang berada dalam kemiskinan tegar hanyalah RM 460 sebulan. Golongan yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM 2,000 sebulan pula termasuk dalam golongan mudah miskin. Walaupun negara Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan "*purchasing power parity*" yang tinggi, tetapi terdapat masyarakat pesisir masih lagi tersisih dari arus kemajuan dan kehidupan mereka adalah ibarat "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Ini bermakna banyak lagi yang perlu dilakukan oleh kerajaan

Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri, dan perlu proaktif dan inovatif dalam merangka dasar, strategi dan program-program bagi membendung kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat tani (Muhyiddin, 2005).

Golongan miskin tegar dan miskin terdiri daripada pelbagai peringkat umur, mempunyai latar belakang kehidupan dan kesihatan berbeza-beza. Oleh yang demikian, usaha membasmi kemiskinan perlu dilaksanakan melalui pendekatan yang berbeza-beza. Bantuan yang diberikan kepada golongan ini adalah dalam bentuk kewangan dan kebendaan. Hasil daripada pengalaman Jabatan Kebajikan Masyarakat selama hampir 60 tahun dalam memberi bantuan kebajikan, kerajaan kini menjurus kepada “*productive welfare*” di mana golongan miskin tegar dan miskin yang produktif akan diberi bantuan dalam bentuk kemahiran, latihan dan motivasi/kursus pembangunan minda. Ini bertujuan untuk melatih mereka hidup berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Bagi golongan yang tidak produktif seperti golongan tua, berpenyakit (sakit terlantar) dan orang kurang upaya (OKU), kerajaan akan terus memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan kebendaan, manakala golongan yang produktif (mereka yang sihat), kerajaan akan menyerap mereka ke dalam program 1AZAM bagi membolehkan mereka meningkatkan pendapatan dan sekali gus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Program 1AZAM meliputi empat bidang iaitu Tani, Kerja, Khidmat dan Niaga (KPWKM, 2011). Berasaskan kepada kenyataan di atas, maka kajian ini dilakukan untuk mengkaji latar diri responden dan mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada keperluan penting penduduk Teluk Ketapang di Kuala Terengganu menerusi program pendidikan pementapan kerohanian.

## 2.0 SOROTAN KARYA

Kemiskinan boleh dilihat daripada pelbagai dimensi dan merupakan masalah sosial sejagat yang telah lama ditimbulkan sebagai isu penting di negara membangun. Fenomena kemiskinan di kebanyakan negara adalah salah satunya masalah sosioekonomi yang perlu diatasi melalui berbagai-bagai usaha dan program yang telah dilaksanakan. Pembasmian kemiskinan adalah salah satu strategi pembangunan utama yang diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia. Strategi ini dilaksanakan melalui program pembangunan yang difikirkan akan membawa kepada penghapusan kemiskinan. Pada peringkat awal (1970-1985), kebanyakan program untuk pembasmian kemiskinan lebih menekankan program bantuan jangka panjang dalam bentuk tidak langsung. Program digubal berasaskan teori limpahan ke bawah yang mengandaikan faedah daripada

pembangunan akan akhirnya dapat dinikmati oleh golongan yang berpendapatan rendah (UPS, 1989).

Peruntukan program pembasmian kemiskinan diberi mengikut sektor dan bidang yang dianggap miskin seperti pertanian, perikanan, kawasan luar bandar, pembangunan wilayah dan peruntukan khas. Pelaksanaan program untuk penghapusan kemiskinan diharapkan dapat memajukan dan membangunkan sektor di pelbagai kawasan berkenaan. Matlamatnya untuk pembangunan dan kemajuan dalam menambah pendapatan dan kemudahan asas penduduk yang berkenaan. Namun, pendekatan ini didapati tidak mampu membantu mereka yang termiskin, mereka didapati tersisih, terpinggir dan terus ketinggalan. Pelbagai pendekatan, telah diperkenalkan sama ada program PPRRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) mahupun KPN (Kawasan Pembangunan Nelayan) yang berorientasikan kepada golongan sasaran.

Seterusnya masalah kemiskinan berkait rapat dengan perkara utama yang menjejaskan mata pencarian golongan miskin dalam masyarakat nelayan di pesisir pantai, iaitu satu kajian mengenal pasti kehidupan komuniti nelayan di pantai India Negeri Orissa dengan menggunakan *Sustainable Livelihoods Approach* (SLA). Dalam kajian Salagrama (2006), ia mendapati terjadi hubungan antara kehidupan dan kemiskinan dalam membangunkan petunjuk bagi memantau hubungan dari semasa ke semasa seperti masalah kehidupan semula jadi, fizikal, sosial, manusia dan kewangan. Keadaan ini termasuklah peralihan dalam kaedah menangkap ikan dari sara hidup-aktiviti yang berasaskan tradisional dan nelayan merupakan buruh yang berasal dari golongan miskin yang masih menggunakan kemahiran tradisional berlebihan, dan pada masa yang sama juga meningkat risiko yang membawa kepada pergantungan ke atas sumber-sumber kewangan, di mana sebahagian besar nelayan terlibat dengan orang tengah. Mereka memainkan peranan utama dalam pemasaran hasil tangkapan nelayan yang menyebabkan golongan ini hidup dalam keadaan tersepit dan kemiskinan.

Beberapa langkah boleh diambil untuk meningkatkan pendapatan dan masa depan nelayan. Kerajaan sebagai pemegang amanah Allah, berkewajiban menyelesaikan masalah kemiskinan rakyatnya. Masalah kemiskinan yang menjadi fokus untuk diselesaikan bukan sahaja masalah kemiskinan kebendaan, namun kemiskinan sepatutnya juga merangkumi kemiskinan kerohanian (jiwa). Kemiskinan kebendaan boleh menjerumuskan seseorang itu kepada kerosakan akidah, pelanggaran etika dan akhlak, kelalaian dan gangguan fikiran, kerosakan kekeluargaan, masyarakat dan negara. Perlunya pelbagai kajian dikembangkan lagi dengan pendekatan multi disiplin melalui pengembangan multi faktor. Kajian yang bersifat multi faktor dengan melibatkan tiga elemen atau komponen utama, masyarakat, negara dan ekonomi dalam menghuraikan permasalahan

mobiliti sosial dan kaitan pembangunan nelayan dengan menggunakan kaedah sejarah (Nor Hayati Sa'at, 2011) perlu terus dilakukan agar komuniti pesisir pantai dan pulau menduduki tempat istimewa dalam sejarah mereka, khususnya di Semenanjung Malaysia.

Di Malaysia, terdapat pelbagai program untuk membasmi kemiskinan yang telah diwujudkan sebagai langkah mengatasi masalah-masalah kemiskinan. Antara program yang telah dijalankan adalah Rancangan FELDA, Rancangan FELCRA, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), program mikro kredit (AIM, YUM dan TEKUN) dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). SPKR yang diperkenalkan pada tahun 2001 di bawah RM Ke-8 merupakan kesinambungan daripada program-program pembasmian kemiskinan khususnya PPRT yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh RM Ke-7 di bawah DPN. Tujuan utama yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan skim tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk yang masih mencatatkan kadar kemiskinan yang tinggi. Terdapat tiga objektif utama ingin dicapai menerusi pelaksanaan program ini, iaitu menyumbang kepada usaha-usaha pengurangan kadar kemiskinan, menyumbang kepada pertambahan peratusan isi rumah golongan berpendapatan sederhana dan yang terakhir ialah menyediakan kemudahan kepada kumpulan sasar agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan.

Terdapat sembilan program utama telah dikenal pasti dan dilaksanakan di bawah SPKR. Antaranya ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) serta Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera). Bagi mencapai objektif tersebut, kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan bagi melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan di bawah SPKR. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 90.0 juta kepada Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) melalui Bajet 2010. Berdasarkan Laporan Ekonomi oleh Kementerian Kewangan Malaysia (2010/2011), sejumlah RM 14.2 juta telah dibelanjakan untuk Program Peningkatan Pendapatan (PPP), RM 4.1 juta dibelanjakan untuk Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan sebanyak RM 4.8 juta telah dibelanjakan untuk Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP). Bagi menyediakan perumahan mampu milik dan memperbaiki rumah usang, sebanyak RM 30.6 juta telah dibelanjakan untuk Program Bantuan Rumah (PBR). Sebanyak RM 6.5 juta lagi telah digunakan untuk perbelanjaan

pelaksanaan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) (Kementerian Kewangan Malaysia, 2010/2011).

Kajian Aisyah (2012) juga dilakukan di kawasan program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri Terengganu. Seramai 147 nelayan menerima bantuan yang terdiri daripada beberapa kawasan seperti Kuala Terengganu, Marang, Kemaman, Setiu, Besut, Dungun, Kemasik, Kerteh Kijal, Merchang dan Paka. Secara keseluruhannya, didapati hampir 51 peratus para nelayan dalam kawasan program mengatakan bahawa tahap pekerjaan dan tahap kepuasan berbanding lima tahun dahulu sebelum menerima bantuan SPKR adalah sama. Maknanya para nelayan belum merasakan adanya kenaikan pendapatan selepas mendapat bantuan program.

Para nelayan tidak memiliki pekerjaan sampingan atau tiada pekerjaan selain nelayan (87.8 peratus). Perkara ini menunjukkan bahawa para nelayan tiada memiliki kemahiran dan tiada pilihan lain untuk menjadi nelayan kerana menghadapi kesempitan hidup. Masalah ini menyebabkan tiada penambahan pendapatan untuk para nelayan di Kuala Terengganu, diikuti lagi dengan masalah para isteri yang hanya bekerja sebagai suri rumah (89.8 peratus).

Zazali (2004) menyatakan bahawa walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk melaksanakan SPKR, namun peserta skim tersebut didapati kurang komited untuk melibatkan diri dalam program-program yang dilaksanakan. Sedangkan keberhasilan pelaksanaan sesuatu program dan projek pembangunan bukan sahaja tanggungjawab agensi pelaksana sepenuhnya tetapi juga amat bergantung pada kerjasama serta penglibatan masyarakat setempat (Hedayat Allah, 2010; Asnarulkhadi & Aref, 2011; Saheb & Nobaya, 2010; Hedayat Allah & Ma'rof, 2009; Haslina & Regina, 2009). Memandangkan penglibatan penduduk setempat menjadi elemen penting yang mempengaruhi kejayaan sesuatu program pembasmian yang dilaksanakan, maka analisis keperluan dalam program pendidikan pemantapan kerohanian keluarga miskin dan miskin tegar Teluk Ketapang, Kuala Terengganu dalam menentukan faktor-faktor penyumbang kepada kepentingan keperluan penduduk di kawasan tersebut. Kajian ini melibatkan faktor-faktor seperti pendidikan, kemahiran, keagamaan, sosial, makanan dan pakaian, kesihatan, perumahan, peralatan rumah dan pengangkutan.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini mengambil kesemua ketua keluarga penduduk miskin sebanyak 98 orang sebagai responden kajian. Senarai penduduk miskin Kampung Teluk

Ketapang diperolehi dari JKKK dan pemimpin cawangan PAS. Penduduk yang tersenarai dalam Lampiran B dikategorikan sebagai penduduk miskin oleh pelbagai agensi berdasarkan criteria yang diwujudkan oleh setiap agensi. Penduduk ini juga merupakan kumpulan yang sedang menerima pelbagai bantuan dari pelbagai agensi.

Projek ini bermula dengan satu kajian mendalam mengenai keluarga miskin yang tinggal dalam Kampung Teluk Ketapang yang dibahagikan kepada lapan kategori seperti berikut:

Bil.	Kumpulan Keluarga Miskin	Bilangan responden
1	OKU	2
2	Warga emas (melebihi 65 tahun)	5
3	Ibu/ Bapa tunggal	11
4	Pesakit terlantar	2
5	Pekerja cacat	1
6	Orang awam (kurang RM 700/ bulan)	14
7	Penerima bantuan am	42
8	Orang muda yang menganggur	21
JUMLAH		98

Kajian ini membina satu set borang soal selidik khusus untuk mengumpul maklumat asas keluarga miskin dan untuk menentukan keperluan anggota keluarga mereka. Ujian rintis dijalankan dalam bulan Ogos 2012 di Kampung Teluk Ketapang untuk mengetahui kesesuaian borang soal selidik. Pengumpulan data dibuat selama tiga bulan, mulai September hingga November 2012. Semua penyelidik terlibat secara langsung dalam aktiviti temu bual responden. Mereka dibantu oleh beberapa orang enumerator. Masalah utama yang dihadapi semasa pengumpulan data ialah kesukaran mencari responden. Responden sukar dicari kerana ada yang telah meninggal dunia, berpindah dan tidak dapat dikesan.

Tujuan utama analisis data dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti keperluan setiap responden dan anggota keluarga mereka. Item atau perkara dalam borang soal selidik telah digubal untuk mengenal pasti jurang yang wujud antara keadaan sebenar dengan keadaan yang sepatutnya dalam kehidupan responden. Kaedah yang paling mudah mengenal pasti keperluan ialah dengan bertanya responden apa yang mereka perlu untuk kesejahteraan hidup. Pendapat atau kekurangan yang mereka kenal pasti telah dijadikan panduan atau input untuk merancang aktiviti pembangunan. Pendekatan analisis keperluan komuniti yang digunapakai oleh Sharma, et al. (2000). Maklumat yang dikumpul mengenai keperluan mempunyai dua perkara penting, iaitu **tahap kepentingan** dan **tahap kepuasan** mengenai

sesuatu perkara. Kedua-dua ukuran ini (kepentingan dan kepuasan) memberi gambaran tentang kekuatan dan keperluan kumpulan sasaran.

Berdasarkan formula di atas, kajian ini telah mengenal pasti semua item yang dikategorikan di bawah perlu (penting dan tidak puas) untuk dijadikan asas kepada perancangan aktiviti pembangunan untuk kumpulan sasaran. Untuk rumusan, bilangan responden (juga dalam bentuk peratusan) ditunjukkan di dalam satu jadual mengikut urutan peratusan. Peratusan dianggap tinggi sekiranya 50% daripada jumlah responden memerlukan sesuatu item dan item tersebut dijadikan fokus dan input untuk merancang projek pembangunan untuk mereka.

### 3.1 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Kaedah analisis kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kestabilan dalaman (*internal consistency*) dengan menggunakan nilai pekali *alpha*. Menurut Zaidatul dan Mohd. Salleh (2003), kaedah ini baik untuk melihat aras konsisten dalaman yang dipunyai oleh instrumen. Nilai pekali *alpha* yang maksimum ialah 1. Sekiranya nilai pekali *alpha* kurang daripada 0.6, maka instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai kebolehpercayaan yang rendah. Pekali Alpha Cronbach telah diklasifikasikan mengikut indeks kebolehpercayaan oleh Norizan (2003) dan Azhar (2006) seperti dalam Jadual 1. Sekiranya nilai pekali alfa yang melebihi indeks di atas menunjukkan item-item kajian dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian sebenar. Walau bagaimanapun, sekiranya indeks yang lebih rendah dari nilai tersebut, item tersebut perlu diubahsuai atau diganti. Berikut adalah Jadual 1 yang menunjukkan indeks pekali *Alpha Cronbach*.

**Jadual 1: Pekali *Alpha Cronbach***

Indikator	Nilai Alfa Cronbach
Sangat tinggi	0.90 - 1.00
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	0.00 - 0.29

Sumber: Norizan (2003) dan Azhar (2006)

Kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai pekali *Alpha Cronbach* dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, maka semakin jitu data-data yang akan diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik



dan berkualiti. Nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi faktor-faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Keputusan analisis ujian kebolehpercayaan**

<b>Dimensi</b>	<b>Bil. Item</b>	<b>Alpha Cronbach</b>
Pendidikan	6	0.931
Kemahiran	4	0.932
Keagamaan	8	0.963
Sosial	4	0.925
Makanan & Pakaian	5	0.930
Kesihatan	5	0.946
Perumahan	5	0.943
Peralatan Rumah	5	0.868
Pengangkutan	4	0.816
Keperluan	3	0.944

Kesemua nilai pekali *Alpha Cronbach* yang dihasilkan lebih tinggi daripada 0.6 dan ia boleh diterima sebagai alat pengukuran (Sekaran, 2003).

### **3.2 Profil dan Maklumat Ekonomi Responden**

Masyarakat kampung Teluk Ketapang adalah masyarakat Melayu dan beragama Islam. Pada tahun 2010, bilangan penduduk kampung Teluk Ketapang adalah seramai 3452 orang yang terdiri daripada tujuh kategori pekerjaan, iaitu bekerja kerajaan (543 orang), petani atau nelayan (616 orang), bekerja sendiri (65 orang), bekerja swasta (136 orang), suri rumah (410 orang), pesara (78 orang) dan penganggur (16 orang). Berdasarkan data yang ditunjukkan, didapati berlaku ketidakseimbangan pendapatan isi rumah mengikut jenis pekerjaan. Oleh sebab itu, peratusan miskin dan miskin tegar masih tinggi dan berlaku agihan pendapatan yang tidak setara di antara penduduk kampung berkenaan. Golongan miskin (Nelayan) ini mendiami kawasan sepanjang pesisir pantai Seberang Takir, manakala golongan pertengahan dan golongan elit berpusat di kawasan jalan utama Seberang Takir. Keadaan ini menyebabkan wujud jurang yang besar di antara penduduk kampung tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden terdiri daripada perempuan sebanyak 57.4 peratus dan lelaki sebanyak 42.6 peratus sahaja. Dari segi kategori, majoriti responden adalah warga mas berumur 65 tahun ke atas dan ibu/bapa tunggal dengan peratusan sebanyak 25 peratus. Majoriti penduduk di Teluk Ketapang merupakan warga mas dan ibu/bapa tunggal. Dari segi taraf

perkahwinan pula, 48.5 peratus telah berkahwin, 39.7 peratus adalah janda/duda dan 11.8 peratus responden masih bujang.

Secara keseluruhannya, responden di Teluk Ketapang Kuala Terengganu adalah berbangsa melayu. Ini menunjukkan bahawa keluarga miskin dan miskin tegar berbangsa melayu 100 peratus. Lebih daripada 70 peratus responden miskin dan miskin tegar pernah mengikuti alam persekolahan secara formal dengan majoriti daripadanya, iaitu 32.4 peratus menamatkan pengajian di sekolah rendah, manakala responden yang tidak bersekolah sebanyak 25 peratus, sijil 2.9 peratus dan kelayakan-kelayakan lain adalah sebanyak 1.5 peratus sahaja. Tahap kemiskinan di Teluk Ketapang berada pada tahap yang tinggi kerana majoritinya adalah miskin tegar, iaitu 79.4 peratus dan tahap miskin sebanyak 14.7 peratus. Majoriti responden mempunyai pekerjaan lain untuk mendapatkan pendapatan untuk keluarga, iaitu sebanyak 36.8 peratus. Pendapatan isi rumah secara puratanya sebanyak RM 460 ke bawah (lihat jadual 3).

**Jadual 3: Profil Demografi Responden**

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Jantina	Lelaki	29	42.6
	Perempuan	39	57.4
Kategori	OKU tidak bekerja	10	14.7
	Pekerja cacat	6	8.8
	Warga mas (berumur >65 tahun)	17	25.0
	Penerima bantuan am	12	17.6
	Ibu/bapa tunggal	17	25.0
	Pesakit terlantar	2	2.9
	Orang awam (pendapatan <RM 700/sebulan)	4	5.9
Taraf kahwin	Bujang	8	11.8
	Berkahwin	33	48.5
	Janda/Duda	27	39.7
Bangsa	Melayu	68	100
	Cina	0	0
	India	0	0

**Jadual 3: Sambungan...**

Pendidikan tertinggi	Tidak bersekolah	17	25.0
	Sekolah Rendah (UPSR)	22	32.4
	Sekolah Menengah Rendah (SRP/PMR)	11	16.2
		15	22.1
	Sekolah Menengah Atas (SPM/MCE)	2	2.9
		1	1.5
	Sijil Kelayakan-kelayakan lain		
Tahap kemiskinan	Miskin tegar	54	79.4
	Miskin	10	14.7
	Bukan miskin	4	5.9
Pekerjaan utama	Nelayan	9	13.2
	Petani	1	1.5
	Peniaga	3	4.4
	Buruh	7	10.3
	Penganggur	9	13.2
	Suri rumah	14	20.6
	Pekerjaan lain	25	36.8
Pendapatan isirumah	$0 \leq \text{Pendapatan} \leq \text{RM } 460$	54	79.4
	$\text{RM } 461 \leq \text{Pendapatan} \leq \text{RM } 760$	10	14.7
	$\text{Pendapatan} \geq \text{RM } 761$	4	5.9

**Sumber:** Kaji Selidik 2012

Berdasarkan Jadual 4, didapati berlaku ketidakseimbangan pendapatan isi rumah mengikut jenis pekerjaan, terhadap perbelanjaan. Oleh sebab itu, peratusan miskin dan miskin tegar masih tinggi dan berlaku agihan pendapatan yang tidak setara di antara penduduk kampung berkenaan dan majoriti komuniti tiada dapat menabung. Golongan miskin (Nelayan) ini mendiami kawasan sepanjang pesisir pantai Seberang Takir, manakala golongan pertengahan dan golongan elit berpusat di kawasan jalan utama Seberang Takir. Keadaan ini menyebabkan wujud jurang yang besar di antara penduduk kampung tersebut. Bagi mengatasi kesilapan yang terus berlaku di dalam perancangan pembangunan, projek ini berusaha merancang projek pembangunan dengan melaksanakan analisis keperluan masyarakat terutamanya keperluan keluarga miskin.

**Jadual 4: Purata Pendapatan dan Perbelanjaan Responden**

<b>Kategori Responden</b>	<b>Purata Pendapatan Sebulan (RM)</b>	<b>Purata Perbelanjaan sebulan (RM)</b>	<b>Kekurangan Pendapatan Bolehguna (RM)</b>
OKU tidak bekerja	750	1265	-515
pekerja cacat	460	1069	-609
warga emas (melebihi 65 tahun)	260	1080	-820
penerima bantuan am	580	1472	-892
ibu/bapa tunggal	510	1581	-1071
pesakit terlantar	300	1050	-750
orang awam (pendapatan kurang RM 700/bulan)	600	1637	-1037

Sumber: Kaji Selidik 2012

### 3.3 Analisis Tahap Kepuasan Bagi Situasi Kehidupan

Jadual 4.4 menjelaskan bahawa tahap kepuasan responden terhadap pendapatan, pemilikan harta dan peluang pekerjaan adalah rendah, manakala tahap pendidikan anak-anak adalah sederhana. Maka pihak yang bertanggungjawab perlu memberi perhatian kepada keempat-empat aspek ini dalam meningkatkan ekonomi responden yang terlibat serta dapat mengurangkan beban kemiskinan.

**Jadual 4: Tahap Kepuasan Situasi Kehidupan Responden**

<b>Situasi</b>	<b>Pendapatan</b>		<b>Pemilikan harta</b>		<b>Peluang pekerjaan</b>		<b>Pendidikan Anak-anak</b>	
	<b>Bilangan</b>	<b>%</b>	<b>Bilangan</b>	<b>%</b>	<b>Bilangan</b>	<b>%</b>	<b>Bilangan</b>	<b>%</b>
Tiada	12	17.6	21	30.9	16	23.5	10	14.7
Rendah	40	58.8	33	48.5	30	44.1	20	29.4
Sederhana	13	19.1	9	13.2	15	22.1	23	33.8
Tinggi	0	0.0	1	1.5	1	1.5	5	7.4
Jumlah	65	95.6	64	94.1	62	91.2	58	85.3
Tidak Menjawab	3	4.4	4	5.9	6	8.8	10	14.7
Jumlah Keseluruhan	68	100.0	68	100.0	68	100.0	68	100.0

Berdasarkan Jadual 4.5, peratus responden yang memerlukan mengikut senarai keperluan pada tahap 40 peratus dan ke atas telah direkodkan. Di bawah aspek pendidikan terdapat seramai 23 atau 46.0 peratus orang responden yang memerlukan tuisyen untuk anak, manakala bagi aspek kerohanian/keagamaan pula terbahagi kepada 3 kategori, iaitu solat berjemaah bersama anggota keluarga di rumah, peranan pengerusi JKKK dalam menjayakan aktiviti agama dan penglibatan kerajaan terhadap pembentukan sahsiah umat masing-masing mencatatkan peratus responden yang memerlukan sebanyak 41.5 peratus, 50.8 peratus dan 54.8 peratus. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 44.4 peratus dan 40.0 peratus responden yang memerlukan bagi aspek keperluan kegiatan sosial, iaitu bantuan warga kampung dan hubungan antara masyarakat setempat dalam mengatasi kemiskinan.

### 3.4 Analisis Keperluan Responden

Bagi aspek permakanan/pakaian/kesihatan, peratus responden yang memerlukan adalah 44.6 bagi harga makanan mampu dan kemudahan klinik kesihatan masing-masing, 52.4 peratus masing-masing bagi jaminan harga minimum makanan (subsidi bahan makanan) dan kualiti perkhidmatan klinik kesihatan. Selain itu, kebanyakan responden sangat memerlukan bantuan memperbaiki rumah. Di samping itu, aspek pengangkutan, keperluan untuk OKU dan keperluan lain juga merupakan keperluan kepada mereka bagi memperbaiki serta meningkatkan taraf hidup mereka pada masa akan datang.

**Jadual 5: Peratus responden yang memerlukan mengikut senarai keperluan**

Bil	Senarai Keperluan	bilangan responden	Bilangan responden yang memerlukan	peratus responden yang memerlukan
<b>Pendidikan</b>				
	Tuisyen untuk anak	50	23	46.0
<b>Kerohanian/Keagamaan</b>				
	Solat berjemaah bersama anggota keluarga di rumah (n=65)	65	27	41.5
	Peranan pengerusi JKKK dalam menjayakan aktiviti agama (n=63)	63	32	50.8
	Penglibatan kerajaan terhadap pembentukan sahsiah umat (n=62)	62	34	54.8

**Jadual 5: Sambungan...**

<b>Kegiatan Sosial</b>			
Bantuan warga kampung dalam mengatasi kemiskinan	63	28	44.4
Hubungan antara masyarakat setempat dalam mengatasi kemiskinan	65	26	40.0
<b>Pemakanan/Pakaian/Kesihatan</b>			
Harga makanan mampu	65	29	44.6
Jaminan harga minimum makanan (subsidi bahan makanan)	63	33	52.4
Kemudahan klinik kesihatan	65	29	44.6
Kualiti perkhidmatan klinik kesihatan	63	33	52.4
<b>Perumahan</b>			
Bantuan membina/membaiki rumah	58	25	43.1
<b>Pengangkutan/ Perhubungan</b>			
Memiliki kereta	56	28	50.0
Kos pengangkutan awam	55	22	40.0
<b>Keperluan khusus untuk OKU</b>			
Kemudahan kursus OKU di tempat awam	29	13	44.8
Peluang pekerjaan untuk OKU	28	12	42.9
<b>Keperluan-keperluan lain</b>			
Peranan agensi/program kerajaan untuk membantu keluarga miskin	60	28	46.7
Bantuan yang diterima mencukupi	59	38	64.4
Keperluan menabung untuk masa hadapan	58	42	72.4

Menurut Hamizul (2013) pula terdapat enam keperluan asasi iaitu tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, rawatan dan pengangkutan. Perkara-perkara yang dinyatakan ini adalah suatu keperluan asasi kepada setiap manusia, maka seandainya pendapatan isi rumah yang diperolehi setiap bulan tidak mampu memenuhi kecukupan minima bagi keperluan-keperluan ini, seseorang itu layak dianggap sama ada miskin ataupun fakir. Walau bagaimanapun, menurut Hairunnizam, *et al.* (2011) faktor keagamaan adalah penting kerana memberi kesan terhadap kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan positif yang akhirnya akan mengubah ekonomi dan gaya hidup golongan miskin dan fakir serta meningkatkan kualiti hidup dalam jangka masa yang panjang. Di

samping itu, Todaro (1997) mengatakan bahawa kemiskinan melibatkan dua aspek utama, iaitu aspek ekonomi dan aspek sosial. Ketidakseimbangan sosial menjadi sebab kepada kepincangan ekonomi sementara kepincangan ekonomi pula membantu mewujudkan ketidakseimbangan sosial.

Manakala, bagi pemboleh ubah PENDIDIKAN (tuisyen untuk anak, jaminan anak melanjutkan pelajaran, bantuan kerajaan, peranan ibu bapa dalam membentuk kecemerlangan anak-anak dan kelengkapan peralatan sekolah), PERALATAN RUMAH (peti sejuk, kelengkapan dapur, televisyen dan telefon) dan PENGANGKUTAN (motosikal, kereta, pengangkutan awam dan kos pengangkutan awam) bukan keperluan yang penting yang dimahukan oleh penduduk keluarga miskin dan miskin tegar di Teluk Ketapang. Hasil dapatan ni bercanggahan dengan hasil kajian oleh MAPEN II (2001) yang menyatakan bahawa pendidikan yang diberikan khususnya kepada golongan miskin akan mampu membantu mereka untuk memperoleh kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik daripada buruh upah rendah, meningkatkan daya saing dan meningkatkan pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, pengangkutan merupakan elemen yang penting kepada keluarga miskin dan miskin tegar kerana pengangkutan adalah keperluan yang penting pada masa kini untuk memudahkan perjalanan dan melakukan kerja seharian. Menurut Mohd Shaladdin, *et al.* (2006) dalam kajian menunjukkan bahawa faktor pemilikan kenderaan merupakan faktor yang signifikan kerana kenderaan dilihat sebagai keperluan asasi atau wajib dimiliki oleh semua masyarakat dan boleh menjana pendapatan tambahan.

#### 4.0 RUMUSAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan perbincangan mengenainya, dapatlah dibuat beberapa rumusan iaitu tahap kemiskinan penduduk di Teluk Ketapang Kuala Terengganu berada di tahap yang tinggi kerana penduduk. Dalam Jadual 3.1 menunjukkan bahawa majoriti penduduk berpendapatan kurang dari RM 460 seramai 54 orang. Ini bermaksud pendapatan penduduk tersebut berada di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK) di mana penduduk tersebut adalah miskin tegar. Pekerjaan utama yang dijalankan oleh penduduk di Teluk Ketapang adalah menjalankan pekerjaan lain, suri rumah, nelayan buruh dan penganggur, manakala majoriti penduduk merupakan warga mas yang berumur 65 tahun ke atas dan ibu atau bapa tunggal.

Dalam usaha untuk membasmi kemiskinan penduduk terdapat dua pihak yang terlibat secara langsung, iaitu individu penduduk Teluk Ketapang itu sendiri dan kerajaan. Justeru, kajian ini menyenaraikan keperluan bagi keluarga miskin dan

miskin tegar di Teluk Ketapang Kuala Terengganu seperti dalam Jadual 4.4. Terdapat 18 senarai keperluan tambahan yang diperlukan oleh responden, iaitu tuisyen untuk anak, solat berjemaah bersama anggota keluarga di rumah, peranan pengerusi JKKK dalam menjayakan aktiviti agama, penglibatan kerajaan terhadap pembentukan sahsiah umat, bantuan warga kampung dalam mengatasi kemiskinan, hubungan antara masyarakat setempat dalam mengatasi kemiskinan, harga makanan mampu, jaminan harga minimum makanan, kemudahan klinik kesihatan, kualiti perkhidmatan klinik kesihatan, bantuan membina/membaiki rumah, memiliki kereta, kos pengangkutan awan, kemudahan kursus OKU di tempat awam, peluang pekerjaan untuk OKU, peranan agensi/program kerajaan untuk membantu keluarga miskin, bantuan dan keperluan menabung untuk masa depan.

Maka faktor yang harus diberi perhatian yang serius ialah pendapatan, pendidikan, kerohanian/keagamaan, kegiatan sosial, pemakaian/pakaian/kesihatan, perumahan, pengangkutan/perhubungan, keperluan khusus untuk OKU dan keperluan-keperluan lain daripada kerajaan. Pendidikan merupakan keperluan yang tidak penting bagi penduduk di Teluk Ketapang dan ini merupakan faktor penyebab kepada kemiskinan yang melanda penduduk tersebut. Padahal pendidikan merupakan unsur yang penting untuk memajukan diri dan keluar dari kepompong kemiskinan.

Pihak kerajaan juga memainkan peranan yang penting untuk memajukan penduduk yang berada dalam kemiskinan seperti meningkatkan program kursus dan latihan kepada penduduk dengan mengambil kira bilangan kursus dan latihan, hebahan yang sampai kepada kumpulan sasar, kandungan dan pendekatan kursus dan harus sentiasa membuat penilaian keberkesanan bagi setiap kursus yang dijalankan. Di samping itu, memperbanyakkan dan permudahkan khidmat nasihat dan rundingan kepada penduduk. Ini bermaksud menambah bilangan khidmat nasihat serta menambah tempat atau pusat untuk mendapatkan khidmat nasihat. Dengan ini penduduk yang mempunyai masalah akan lebih mudah untuk bertemu dengan pegawai yang terlibat untuk mendapatkan nasihat. Dalam masa yang sama, pegawai harus sentiasa turun padang untuk memberi penerangan dan juga nasihat-nasihat semasa yang difikirkan perlu.

Walaupun cadangan-cadangan tersebut lebih menjurus kepada peranan yang harus dimainkan oleh pihak kerajaan tetapi kejayaan sesuatu program kerajaan harus disambut dengan penuh pengertian oleh penduduk miskin. Ini bermakna penduduk harus bersedia dan sanggup berusaha memajukan diri sendiri agar kesejahteraan hidup mereka bertambah baik. Pada masa yang sama, penduduk perlu berusaha menambah pengetahuan, meningkatkan pelbagai aktiviti



ekonomi supaya pendapatan bertambah, mengurus perbelanjaan dengan baik yang diharapkan dapat meningkatkan simpanan dan seterusnya mampu memiliki rumah kediaman dan kenderaan sendiri. Pada masa kini, kenderaan dilihat sebagai keperluan asasi atau wajib dimiliki oleh semua masyarakat dan boleh menjana pendapatan tambahan. Jika adunan dua pihak, iaitu kerajaan dan penduduk miskin/miskin tegar berlaku dengan cekap dan berkesan, maka kesejahteraan hidup dan kemiskinan yang melanda keluarga miskin dan miskin tegar akan dapat dikurangkan menjelang tahun 2020.

## RUJUKAN

- Aisyah, Katiman Rostam & Abdul Hair Awang. (2010). Prestasi program pemberdayaan ekonomi masyarakat pesisir di Jakarta Utara, Indonesia: Satu penilaian awal *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space* 6(3),13-29.  
<http://pkukmweb.ukm.my/geografia/v1/index.php?cont=a&item=1#thn=2011&vol=7>
- Aisyah, Katiman Rostam, Abdul Hair Awang & Ambar Teguh Sulistiyani. (2009). Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Pesisir (PEMP): Suatu Kajian di Kecamatan Cilincing, Jakarta Utara.Indonesia. *Jurnal Kebijakan dan Administrasi Publik*, 13(2), 177-192.
- Aisyah, Dara. (2012). Pembangunan Komuniti Nelayan dan Sumber Perikanan. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Aisyah, Dara, et al. (2014). *Social Welfare Development Program among Coastal Community (SPKMP) in Kuala Terengganu: A Preliminary Assessment on the Performance of the Program*. *Journal Elixir Social Studies*, 74(2014) 27065-27071. ISSN: 2229-712x
- Asnarulkhadi Abu Samah & Aref, F. (2011). The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in processes of community development in Malaysia. *Journal of American Science*, 7(2), 186-195.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar. (2013). Kemiskinan bandar dan sektor tidak format di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hair F.J, Black W.C, Babin B.J, Anderson, R.E & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate Data Analysis*. 6<sup>th</sup> edition. United States: Prentice Hall.
- Hairunnizam Wahid., Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2011). Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf

- Fakir dan Miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economic*, Vol. 14.
- Haslina Hashim & Regina Garai Abdullah. (2009). Penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar: Kajian kes di Pusat Pembangunan Desa Gedong, Sarawak. *Jurnal Akademika*, (77), 41-67.
- Hedayat Allah Nikkhah. (2010). *Women empowerment through non-governmental organization's programs in Shiraz, Iran*. PhD Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Hedayat Allah Nikkhah & Ma'rof Redzuan. (2009). Participation as a medium of empowerment in community development. *European Journal of Social Sciences*, 11(1), 170-176.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (KPWKM). (2011). Impak Positif NKRA LIH. <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/impak>. [15/11/2013].
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2010/2011). *Laporan Ekonomi: Bab 1 Pengurusan dan prospek ekonomi*.
- Laily Paim & Sharifah Azizah Haron. (2010). Konsep dan pendekatan mengukur kemiskinan. Dalam Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (eds.), *Kemiskinan di Malaysia: Isu fundamental dan paparan obiliz*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Shaladdin bin Muda., Wan Abdul Aziz bin Wan Mohd Amin dan Nik Wan bin Omar. (2006). Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemannisiaan*, 08: 58-77.
- Muhyiddin Mohd Yassin. (2005). *Mesyuarat* dengan Ahli-Ahli Exco Pertanian, <http://banktani.tripod.com/muhyiddin.htm> pada 25/1/2006, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.
- Norizan Abdul Razak. (2003). Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian secondary school. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh. (RMK-10). (2011). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Saheb, B. Z. & Nobaya Ahmad. (2010). Participation and community development. *Current Research Journal of Social Sciences*, 2(1), 13-14.
- Schumacher, R. E., & Lomax, R. G. (1996). *A Beginner's Guide to Structural Equation Modeling*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Siti Hadijah Che Mat & Roslan Abdul Hakim. (2011). Jangka masa keluar daripada kepompong kemiskinan dan ketermiskinan: Kajian kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *Interanational Journal of Management Studies*, 18(2), 217-236.
- Sekaran, U. (2003), *Research method for business: A skill building approach*, 4th ed. New York: John Willey & Sons.
- Todaro, M. (1997). *Economic Development*. 6th edition. London: Longman.

- Ustaz Hamizul Abdul Hamid. (2013). Siri 2: Fakir, Miskin dan Had al-Kifayah. [http://blog.e-zakat.com.my/?page\\_id=296](http://blog.e-zakat.com.my/?page_id=296). [15/11/2013]
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu. (2003). *Analisis data berkomputer SPSS 11.5 for Windows*, Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Zazali Salehudin. (2004). Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dalam Mohamad Khairudin Mohamad & Ahmad Syahir Sarani (eds), *Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar*. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).

